



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

**Permohonan Kelulusan Menteri Daripada  
Syarikat Berhad Menurut Jaminan Di Bawah  
Akta Syarikat 1965**

## **1. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN MENTERI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965**

*Mukasurat*

1.1	Menggugurkan perkataan 'BERHAD'-Seksyen 24(2)	3
1.2	Pemilikan dan pelepasan tanah di bawah Seksyen 19(2)	5
1.3	Pelantikan Pengarah – Syarat Lesen Seksyen 24(3)	7
1.4	Pindaan M&A – Seksyen 24(4)	9
1.5	Kutipan Sumbangan – Syarat Lesen Seksyen 24(3)	11

## 2. PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN MENTERI DI BAWAH AKTA SYARIKAT 1965

---

### 2.1 Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Y.B. Menteri Di Bawah Seksyen 24(2) Akta Syarikat 1965 – Menggugurkan Perkataan 'Berhad'

1. Salinan Sijil Pemerbadanan Syarikat Awam (Form 8).
2. Nyatakan dengan ringkas aktiviti utama syarikat / yaysan.
3. Salinan Memorandum & Artikel Syarikat (ASAL dan DRAF) Salinan asal M&A mestilah lengkap dengan tandatangan pengasas-pengasas di mukasurat terakhir dokumen tersebut.
4. Tujuan untuk permohonan di bawah Sekyen 24(2) Akta Syarikat 1965.
5. Resolusi ahli berhubung dengan pengguguran perkataan 'BERHAD' dan kelulusan pindaan-pindaan Memorandum dan Artikel yang berkaitan.
6. Salinan surat dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (**LHDN**) sekiranya memohon untuk pengecualian cukai.
7. Salinan terkini Borang 49.
8. Kenyataan sama ada syarikat ini mempunyai kaitan dengan mana-mana badan atau organisasi di dalam dan di luar negara atau akan mengambil alih mana-mana badan atau persatuan.
9. Penyata Kewangan terkini untuk tempoh tiga (3) tahun yang telah diaudit dan dibentang di Mesyuarat Agong Tahunan.
10. Keterangan mengenai kedudukan kewangan serta pendapatan yaysan dan perbelanjaan secara terperinci untuk tempoh tiga (3) tahun.
11. Majukan bayaran permohonan sebanyak **RM150.00**. Bayaran boleh dibuat secara tunai, kiriman wang, wang pos, bank draf atau cek jurubank **atas nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia**. Jika bayaran dibuat melalui pos, alamatkan permohonan ke **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, TINGKAT 13, PUTRA PLACE, 100 JALAN PUTRA, 50622 KUALA LUMPUR**.

**Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan bersama dengan surat iringan kepada Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat untuk tindakan selanjutnya.**

2.2 Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Y.B. Menteri Di Bawah Seksyen 19(2) Akta Syarikat 1965

*Maklumat /Dokumen yang perlu dikemukakan:*

1. Salinan Sijil Pemerbadanan Syarikat Awam (Form 8).
2. Salinan Lesen di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965 (Form 15)
3. Salinan syarat-syarat di bawah Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965.
4. Tujuan untuk permohonan di bawah syarat lesen Sekyen 19(2) Akta Syarikat 1965.
5. Salinan asal Memorandum dan Artikel syarikat yang lengkap dengan tandatangan pengasas-pengasas di mukasurat terakhir dokumen tersebut.
6. Ringkasan aktiviti utama syarikat / yayasan .
7. Resolusi pengarah berhubung kelulusan untuk pembelian tanah yang ditandatangani oleh seorang **(1) orang Pengarah dan seorang (1) orang Setiausaha Syarikat.**
8. Salinan Perjanjian Persefahaman (**Memorandum of Understanding**) di antara kedua-dua pihak. Adalah menjadi satu kesalahan memasuki Perjanjian Jual Beli terlebih dahulu tanpa mendapat kelulusan dari Y.B. Menteri di bawah seksyen 19(2) Akta Syarikat.
9. Salinan geran tanah.
10. Salinan lesen tanah yang dimiliki (Form 10) – **Sekiranya ada.**
11. Senarai tanah yang telah dimiliki di bawah Seksyen 19(2) dan kegunaannya pada masa sekarang –**Sekiranya ada.**
12. Keterangan dan kaedah pembiayaan ke atas tanah / premis.
13. Penyata Kewangan terkini yang telah di audit.
14. Majukan bayaran permohonan sebanyak **RM150.00**. Bayaran boleh dibuat secara tunai, kiriman wang, wang pos, bank draf atau cek jurubank **atas nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia**. Jika bayaran dibuat melalui pos, alamatkan permohonan ke **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, TINGKAT 13, PUTRA PLACE, 100 JALAN PUTRA, 50622 KUALA LUMPUR..**

**Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan bersama dengan surat iringan kepada Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat untuk tindakan selanjutnya.**

2.3 Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Y.B. Menteri Di Bawah Syarat Lesen Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965 – Pelantikan Pengarah

*Maklumat /Dokumen yang perlu dikemukakan:*

1. Salinan Sijil Pemerbadanan Syarikat Awam (Form 8).
2. Salinan Lesen di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965 (Form 15)
3. Salinan syarat-syarat di bawah Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965.
4. Tujuan untuk permohonan di bawah syarat lesen Sekyen 24(3) Akta Syarikat 1965.
5. Salinan asal Memorandum dan Artikel syarikat yang lengkap dengan tandatangan pengasas-pengasas di mukasurat terakhir dokumen tersebut.
6. Ringkasan aktiviti utama syarikat / yayasan .
7. Salinan terkini Borang 49.
8. Resolusi pengarah berhubung dengan kelulusan untuk pelantikan penarah/pemegang amanah oleh **seorang (1) orang Pengarah dan seorang (1) orang Setiausaha Syarikat.**
9. Akuan Berkanun (Form 48A) yang asal.
10. Biodata dan salinan kad pengenalan (depan dan belakang) bakal pengarah.
11. Majukan bayaran permohonan sebanyak RM150.00. Bayaran boleh dibuat secara tunai, kiriman wang, wang pos, bank draf atau cek jurubank **atas nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia.** Jika bayaran dibuat melalui pos, alamatkan permohonan ke **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, TINGKAT 13, PUTRA PLACE, 100 JALAN PUTRA, 50622 KUALA LUMPUR.**

**Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan bersama dengan surat iringan kepada Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat untuk tindakan selanjutnya.**

2.4 Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Y.B. Menteri Di Bawah Seksyen 24(4) Akta Syarikat 1965 – Pindaan Memorandum Dan Artikel

*Maklumat /Dokumen yang perlu dikemukakan:*

1. Salinan Sijil Pemerbadanan (Form 8).
2. Salinan Lesen di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965 (Form 15).
3. Salinan syarat-syarat di bawah Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965.
4. Salinan asal Memorandum dan Artikel syarikat asal yang lengkap dengan tandatangan pengasas-pengasas di mukasurat terakhir dokumen tersebut.
5. Jika sebelum ini pernah buat pindaan, sila majukan **salinan lampiran dan salinan surat izin yang ditandatangani oleh Y.B. Menteri.**
6. Ekstrak resolusi berkaitan kelulusan pindaan M&A yang ditandatangani oleh seorang **(1) orang Pengarah dan seorang (1) orang Setiausaha Syarikat.**
7. Nyatakan dengan ringkas aktiviti-aktiviti Syarikat / Yayasan.
8. 1 Salinan Lampiran A ( Contoh seperti yang disertakan).
9. 1 Salinan Lampiran B ( Contoh seperti yang disertakan) lengkap dengan **ULASAN. ULASAN / SEBAB DIPINDA** haruslah **SELARAS** dengan sebarang pindaan pada Fasal / Artikel. Ulasan dikehendaki mengambilkira perkara-perkara berikut (jika berkaitan):
  - i) impak sebelum dan selepas dipinda
  - ii) sebab/tujuan/ justifikasi pindaan
  - iii) sama ada terdapat percanggahan dengan peruntukan Akta Syarikat
10. **1 Diskette** yang mengandungi Lampiran A dan Lampiran B.
11. Surat dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (**LHDN**) jika memohon mendapatkan pengecualian cukai.
12. Majukan bayaran permohonan sebanyak **RM150.00**. Bayaran boleh dibuat secara tunai, kiriman wang, wang pos, bank draf atau cek jurubank **atas nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia**. Jika bayaran dibuat melalui pos, alamatkan permohonan ke **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, TINGKAT 13, PUTRA PLACE, 100 JALAN PUTRA, 50622 KUALA LUMPUR.**
13. Tujuan untuk meminda Memorandum & Artikel Syarikat selain dari memohon pengecualian cukai dari LHDN.
14. Sila pastikan penggunaan tatabahasa (**GRAMMAR**) dan ejaan (**SPELLING**) yang tepat untuk mengelakkan kekeliruan (**MISLEADING**).

**Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan bersama dengan surat iringan kepada Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat untuk tindakan selanjutnya.**

2.5 Permohonan Untuk Mendapatkan Kebenaran Y.B. Menteri Di Bawah Syarat Lesen Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965 – Kutipan Sumbangan

*Maklumat /Dokumen yang perlu dikemukakan:*

1. Salinan Sijil Pemerbadanan Syarikat Awam (Form 8).
2. Salinan Lesen di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965 (Form 15).
3. Salinan syarat-syarat di bawah Seksyen 24(3) Akta Syarikat 1965.
4. Salinan asal Memorandum dan Artikel syarikat yang lengkap dengan tandatangan pengasas-pengasas di mukasurat terakhir dokumen tersebut.
5. Ringkasan aktiviti utama syarikat / yayasan.
6. Salinan terkini Borang 49.
7. Resolusi pengarah berhubung kelulusan permohonan di bawah seksyen 24(3) untuk kutipan derma yang ditandatangani oleh seorang **(1) orang Pengarah dan seorang (1) orang Setiausaha Syarikat.**
8. Kaedah dan penjelasan tentang tujuan kutipan derma.
9. Tempoh masa yang ditetapkan untuk kutipan derma.
10. Penjelasan tentang tatacara perakaunan dan perekodan kutipan derma.
11. Penyata Kewangan terkini yang telah diaudit dan dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan. Untuk syarikat yang baru diperbadankan, sila nyatakan sama ada syarat lesen berkaitan dengan mendapatkan semua jumlah wang yang telah dijanjikan oleh bakal penyumbang dalam tempoh 6 bulan selepas ia ditubuhkan telah dipatuhi. Sila beri penjelasan sekiranya syarikat gagal berbuat demikian.
12. Jika terdapat golongan sasaran untuk mendapatkan kutipan derma, sila nyatakan sasaran tersebut.
13. Format kutipan derma yang akan di edar kepada orang ramai.
15. Majukan bayaran permohonan sebanyak **RM150.00**. Bayaran boleh dibuat secara tunai, kiriman wang, wang pos, bank draf atau cek jurubank **atas nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia**. Jika bayaran dibuat melalui pos, alamatkan permohonan ke **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, TINGKAT 13, PUTRA PLACE, 100 JALAN PUTRA, 50622 KUALA LUMPUR.**

**Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan bersama dengan surat iringan kepada Bahagian Pengurusan Tadbir Korporat untuk tindakan selanjutnya.**

Walau bagaimanapun, kelulusan tersebut bergantung kepada syarat-syarat berikut:

- a) syarikat hendaklah mematuhi Akta Kutipan Rumah dari Rumah dan di Jalan 1947 jika berkaitan;
- b) syarikat hendaklah mematuhi Pekeliling Am Bil. 6 Tahun 1987 – Persatuan Mengutip Derma Oleh Pertubuhan dari orang ramai;
- c) syarikat hendaklah memastikan tatacara kutipan derma mempunyai ciri-ciri kawalan dalaman yang mencukupi untuk mengelakkan penyelewengan;
- d) syarikat hendaklah memastikan penyata kewangan disediakan, diaudit dan dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan mengikut peruntukan Akta Syarikat 1965;
- e) penyata kewangan yang diaudit hendaklah dihantar kepada pihak berkuasa yang meluluskan permohonan dalam tempoh 3 bulan selepas hari akhir kutipan;
- f) syarikat tersebut hendaklah memastikan kutipan derma diguna untuk objek syarikat dan bukan untuk manfaat ahli-ahli yayasan;
- g) kutipan tidak boleh menggunakan orang perantara dan dibuat tanpa menggunakan unsur-unsur kekerasan, ugutan dan ancaman;
- h) pengutip derma hendaklah menunjukkan tanda pengenalan dan surat kebenaran untuk mengutip derma yang dikeluarkan oleh badan yang menganjurkan kutipan;
- i) pengutip derma hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun;
- j) semua penerimaan kutipan hendaklah diakui dengan resit atau disiarkan melalui akhbar;
- k) perbelanjaan untuk kutipan derma hendaklah seboleh-bolehnya tidak melebihi 1/12 dari jumlah keseluruhan kutipan;
- l) semua derma lebih dari RM1,000.00 ke atas, resit penerimaan hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari; dan
- m) kekerapan kutipan derma sama ada untuk kegunaan pertubuhan itu sendiri atau untuk tujuan-tujuan lain dihadkan kepada sekali sahaja dalam setahun dan tempoh kutipannya dihadkan kepada tidak lebih dari satu (1) bulan sahaja. Rayuan ke atas kekerapan dan tempoh kutipan terpulung kepada pihak berkuasa memberi kelulusan/lesen kutipan derma bergantung kepada keperluan dan merit sesuatu kes.

Sehubungan dengan itu, pejabat ini **memerlukan pengesahan dari pihak pemohon tentang persetujuan untuk mematuhi syarat-syarat di atas.**